



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

PELAWAAN BAGI MEMBEKAL , MENGUKUR, MENJAHIT DAN MENGHANTAR PAKAIAN SERAGAM DAN KASUT ANGGOTA PENGUATKUASA LANTIKAN BAHARU BAGI TAHUN 2025

- ✚ Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak Majlis akan melaksanakan perolehan bekalan/~~perkhidmatan~~ bagi kerja pelawaan bagi membekal , mengukur, menjahit dan menghantar pakaian seragam dan kasut anggota penguatkuasa lantikan baharu bagi tahun 2025.
- ✚ Oleh yang demikian tuan/puan adalah dipelawa untuk mengemukakan **surat sebut harga** bagi kerja perolehan bekalan/~~perkhidmatan~~ tersebut mengikut huraian skop kerja yang ditetapkan seperti di lampiran A.
- ✚ **Tempoh bekalan/~~perkhidmatan~~ yang ditetapkan adalah selama tiga puluh (30) hari dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan.**
- ✚ Sekiranya berminat, tuan/puan diminta untuk menyerahkan dokumen lengkap seperti senarai berikut dan hantar ke Peti Perolehan Jabatan Khidmat Pengurusan pada atau sebelum **26 Ogos 2025**.
 1. **Surat Sebut Harga (menggunakan *letterhead* syarikat)** bagi kerja membekal , mengukur, menjahit dan menghantar pakaian seragam dan kasut anggota penguatkuasa lantikan baharu bagi tahun 2025 mengikut spesifikasi dan skop kerja seperti di Lampiran A.
 2. Satu (1) Salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 3. Mengisi maklumat - Lampiran 6 (Surat Akuan Pembida)
 4. Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun kalender semasa dan berstatus 'PATUH' – sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil. 1 Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

LAMPIRAN A**PELAWAAN BAGI MEMBEKAL , MENGUKUR, MENJAHIT DAN MENGHANTAR
PAKAIAN SERAGAM DAN KASUT ANGGOTA PENGUATKUASA LANTIKAN
BAHARU BAGI TAHUN 2025**

BIL	SPESIFIKASI BEKALAN	UNIT	KUANTITI (UNIT)		JUMLAH
			LELAKI	WANITA	
1	Pakaian Operasi (No.4)	Pasang	6	1	7
2	Pakaian Am (No. 3)	Pasang	6	1	7
3	Kasut Operasi Tanpa "Toe Cap"	Pasang	6	1	7
4	Kasut Am	Pasang	6	1	7

SPESIFIKASI TEKNIKAL PAKAIAN

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI OLEH MBSJ				
		KATEGORI	JENIS	CIRI-CIRI	SETUJU/ TIDAK	SPESIFIKASI YANG DITAWARKAN
1.	A: Pakaian Operasi (No.4) - Lelaki 	Baju	Warna	Biru Gelap (DK.NAVY-06)		
			Jenis Kain	Accura By Bellini Japan Technology Code C-6900 atau setaraf		
			Poket	2 poket tampal pada bahagian atas (kiri & kanan) hadapan baju dan mempunyai <i>Velcro</i> menggantikan butang ketip.		
			Lengan	Berlengan pendek (lipatan lengan mesti 2 inci melepasi siku) *Rujuk lakaran dan gambar pakaian		
			Kolar	Kolar leher hendaklah mempunyai pelapik daripada kertas keras dan di hujung kolar dilengkapi dengan butang pada kedua-dua bahagian.		
			<i>Padding</i>	- Mempunyai padding di kiri dan kanan bahu (bahagian hadapan baju) - Mempunyai Padding dari kiri ke kanan bahu (bahagian belakang) *Rujuk lakaran dan gambar pakaian		
			<i>Epaulettes</i>	Di atas kedua-dua bahu (kain keras) dan mempunyai butang biasa di hujungnya.		
			Zip	Zip sorok warna hitam di bahagian tengah baju menggantikan butang.		
			Sulaman (Logo <i>Embroidery</i>)	- Di bahagian kanan lengan baju: Logo Penguatkuasa Selangor. - Di bahagian kiri lengan baju: Logo MBSJ - Sulaman 'Nama' di sebelah atas poket kanan.		

	Sambungan dari muka surat sebelah (Pakaian Operasi (No.4) – Lelaki)			- Logo 'Integriti' di atas Sulaman Nama. - Sulaman 'Penguatkuasa' di sebelah atas poket kiri. (Jahitan kekal pada setiap item logo termasuk nama)		
		Seluar Panjang	Warna	Biru Gelap (DK.NAVY-06)		
			Jenis Kain	Accura By Bellini Japan Technology Code C-6900 atau setaraf		
			Poket	2 poket di bahagian belakang (poket tampal). 2 poket di bahagian sisi, kiri dan kanan (poket tampal). 2 poket di bahagian atas, kiri dan kanan (kocek dalam).		
			<i>Padding</i>	Mempunyai <i>padding</i> di bahagian peha sebelah kiri dan kanan. *Rujuk lakaran dan gambar pakaian		
			Konsep	Potongan seluar FRU dengan hujung kaki seluar tidak bercerut		

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI OLEH MBSJ				
		KATEGORI	JENIS	CIRI-CIRI	SETUJU/ TIDAK	SPESIFIKASI YANG DITAWARKAN
	B: Pakaian Operasi (No.4) - Wanita 	Baju	Warna	Biru Gelap (DK.NAVY-06)		
			Jenis Kain	Accura By Bellini Japan Technology Code C-6900 atau setaraf		
			Poket	2 poket tampal pada bahagian atas (kiri & kanan) hadapan baju dan mempunyai <i>Velcro</i> menggantikan butang ketip.		
			Lengan	Berlengan panjang		
			Kolar	Kolar leher hendaklah mempunyai pelapik daripada kertas keras dan di hujung kolar dilengkapi dengan butang pada kedua-dua bahagian.		
			<i>Padding</i>	- Mempunyai <i>padding</i> di kiri dan kanan bahu (bahagian hadapan baju) - Mempunyai <i>padding</i> dari kiri ke kanan bahu (bahagian belakang) *Rujuk lakaran dan gambar pakaian		
			<i>Epaulettes</i>	Di atas kedua-dua bahu (kain keras) dan mempunyai butang biasa di hujungnya.		
			Zip	Zip sorok warna hitam di bahagian tengah baju menggantikan butang.		

	Sambungan dari muka surat sebelah (Pakaian Operasi (No.4) – Lelaki)		Sulaman (Logo Embroidery)	▪ Di bahagian kanan lengan baju: Logo Penguatkuasa Selangor. ▪ Di bahagian kiri lengan baju : Logo MBSJ ▪ Sulaman 'Nama' di sebelah atas poket kanan. ▪ Logo 'Integriti' di atas Sulaman Nama. ▪ Sulaman 'Penguatkuasa' di sebelah atas poket kiri. (Jahitan kekal pada setiap item logo termasuk nama)		
		Seluar Panjang	Warna	Biru Gelap (DK.NAVY-06)		
			Jenis Kain	<i>Accura By Bellini Japan Technology</i> Code C-6900 atau setaraf		
			Poket	2 poket di bahagian belakang (poket tampal). 2 poket di bahagian sisi, kiri dan kanan (poket tampal). 2 poket di bahagian atas, kiri dan kanan (kocek dalam).		
			<i>Padding</i>	Mempunyai <i>padding</i> di bahagian peha sebelah kiri dan kanan . *Rujuk lakaran dan gambar pakaian		
			Konsep	Potongan seluar FRU dengan hujung kaki seluar tidak bercerut		

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI OLEH MBSJ				
		KATEGORI	JENIS	CIRI-CIRI	SETUJU/ TIDAK	SPESIFIKASI YANG DITAWARKAN
2.	A: Pakaian Am (No.3) - Lelaki 	Baju	Warna	Biru (<i>Blue</i>)		
			Jenis Kain	Rolontex- Code R-24 atau setara		
			Poket	2 poket tampal di bahagian atas (kiri dan kanan) hadapan baju dan bertulang tengah dan mempunyai butang ketip.		
			Lengan	Berlengan pendek (lipatan lengan mesti 2 inci melepasi siku)		
			<i>Epaulettes</i>	Di atas kedua-dua bahu (kain keras)		
			Lubang Butang /butang	3 lubang butang besi bersaiz (L) 20mm di bahagian atas baju dan disambung dengan 3 butang biasa (sorok)		
			Sulaman (Logo Embroidery)	- Di bahagian kanan lengan baju: Logo Penguatkuasa Selangor. - Di bahagian kiri lengan baju: Logo MBSJ (Jahitan kekal pada setiap item logo)		
		Seluar Panjang	Warna	Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)		
			Jenis Kain	Rolontex- Code R-24 atau setara		
			Poket	Mempunyai poket di sebelah tepi kiri dan kanan seluar serta 2 poket di bahagian belakang		
			Konsep	<i>Straight Cut</i>		

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI OLEH MBSJ				
		KATEGORI	JENIS	CIRI-CIRI	SETUJU/ TIDAK	SPESIFIKASI YANG DITAWARKAN
	B: Pakaian Am (No.3) - Wanita 	Baju	Warna	Biru (<i>Blue</i>)		
			Jenis Kain	Rolontex- Code R-24 atau setara		
			Poket	- o 2 poket tampal di bahagian atas (kiri dan kanan) hadapan baju dan bertulang tengah dan mempunyai butang besi di tengah dan butang ketip. - o 2 poket sorok di bahagian bawah (kiri dan kanan) hadapan baju dan mempunyai butang besi di tengah dan butang ketip.		
			Lengan	Berlengan panjang		
			<i>Epaulettes</i>	Di atas kedua-dua bahu (kain keras)		
			Lubang Butang	6 lubang butang besi di bahagian hadapan baju saiz (L) 20mm.		
			Sulaman (Logo Embroidery)	▪ Di bahagian kanan lengan baju: Logo Penguatkuasa Selangor. ▪ Di bahagian kiri lengan baju: Logo MBSJ (Jahitan kekal pada setiap item logo)		
			Belah	2 belah di bahagian belakang baju.		
			Konsep	Bush jacket serta ' <i>half lining</i> ' di bahagian dalam.		
		Seluar Panjang	Warna	Biru Gelap (<i>Dark Blue</i>)		
			Jenis Kain	Rolontex- Code R-24 atau setara		
			Poket	Mempunyai poket di sebelah tepi kiri dan kanan seluar serta 2 poket di bahagian belakang.		
			Konsep	<i>Straight Cut</i>		

SPESIFIKASI TEKNIKAL KASUT

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI	SETUJU/ TIDAK	SPESIFIKASI YANG DITAWARKAN
3.	KASUT OPERASI TANPA “TOE CAP” 	a) Warna : Hitam b) Jenis: Potongan ‘Medium Cut’ c) Material : Kulit (Sintetik) atau setaraf d) Model : (diisi oleh petender). e) Kod Model : (diisi oleh petender). f) Mempunyai <i>Steel Mid Sole</i> dengan EN 12568 bahagian bawah g) Mempunyai <i>Double Density Outsole Nitrile Rubber</i> dan <i>Phylon</i> h) Mempunyai <i>Original Cambrelle Cover Comfort Soft Polyurethane Footbed</i> dan <i>Collar Padded</i> Dengan Form i) Cetakan Perkataan “HAK MILIK MBSJ” pada sisi kanan bahagian dalam kasut	WAJIB WAJIB - - WAJIB	WAJIB WAJIB WAJIB

Nota : Petender boleh mencadangkan spesifikasi yang lebih baik atau setara

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI	SETUJU/ TIDAK	SPESIFIKASI YANG DITAWARKAN
4.	A: KASUT KULIT AM LELAKI 	a) Warna :Hitam b) Jenis: Potongan ' <i>ankle boot</i> ' c) Material : Kulit (Sintetik) atau setaraf d) Model : ' <i>Pacidini</i> ' atau setaraf dengannya. e) Mempunyai zip dibahagian sisi kiri dan kanan kasut. f) Kod Model : (diisi oleh petender) . g) Cetakan Perkataan " HAK MILIK MBSJ " pada sisi kanan bahagian dalam kasut.	WAJIB WAJIB WAJIB - WAJIB	WAJIB WAJIB WAJIB WAJIB

Nota :Petender boleh mencadangkan spesifikasi yang lebih baik atau setara.

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI	SETUJU/ TIDAK	SPESIFIKASI YANG DITAWARKAN
4.	B: KASUT KULIT AM (WANITA)   	a) Warna :Hitam b) Jenis: Potongan '<i>ankle boot</i>' c) Material : Kulit (Sintetik) d) Model : '<i>Pacidini</i>' atau setara dengannya. e) Mempunyai zip dibahagian sisi kiri dan kanan kasut. f) Kod Model : (diisi oleh petender). g) Cetakan Perkataan "HAK MILIK MBSJ" pada sisi kanan bahagian dalam kasut.	WAJIB WAJIB WAJIB - WAJIB	WAJIB WAJIB WAJIB WAJIB

Nota :Petender boleh mencadangkan spesifikasi yang lebih baik atau setara.

SURAT AKUAN PEMBIDA

**PELAWAAN BAGI MEMBEKAL , MENGUKUR, MENJAHIT DAN MENGHANTAR
PAKAIAN SERAGAM DAN KASUT ANGGOTA PENGUATKUASA LANTIKAN
BAHARU BAGI TAHUN 2025**

MBSJ.KP.400-5/2/35 JLD 3 ()

Saya,No. Kad Pengenalan..... yang
Mewakili nombor Pendaftarandengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Majlis Bandaraya Subang Jaya atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa-

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya

5. Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
6. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	_____
Nama	:	_____
No.KP	:	_____
Tarikh	:	_____
Cap Syarikat	:	_____

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

LAIN-LAIN SYARAT

Skop bekalan yang ditawarkan hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:-

1. LAPORAN PRESTASI KERJA

Pihak MBSJ berhak untuk meminta **Laporan Prestasi Kerja** bagi memantau kemajuan kerja dan berhak untuk membuat lawatan ke premis petender untuk melihat kerja-kerja yang sedang dijalankan pada bila-bila masa.

2. TEMPOH BEKALAN

Tempoh bekalan bagi kerja ini adalah ditetapkan selama **tiga puluh (30) hari** dari tarikh Borang Tanggungan / Borang Pesanan (L/O) ditandatangani.

3. LOKASI PENGHANTARAN

Bekalan mengikut kuantiti yang ditetapkan hendaklah dihantar ke alamat / lokasi yang ditetapkan oleh pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya seperti berikut:

Bahagian Pentadbiran Am,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
Aras 2, Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-80263132/4454/7435

4. PERATURAN PEMBAYARAN

Pembayaran hanya akan dibuat setelah pihak Majlis berpuashati dengan pesanan yang dibuat dan setelah semua penghantaran selesai serta dalam keadaan sempurna. Bayaran adalah berdasarkan kuantiti yang dinyatakan mengikut kuantiti di dalam Borang Pesanan (L/O).

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

Setiap bekalan perlu dilabelkan dengan nama, no pekerja no ukuran (sekiranya ada)/saiz pilihan dan nama Jabatan serta dibungkus dengan kemas di dalam sampul plastik dan diasingkan mengikut jenis pakaian.

6. KECACATAN / 'DEFECT'

Pihak Majlis berhak untuk memulangkan semula pakaian yang tidak sempurna termasuk kemasan jahitan untuk dibaiki dan dipulangkan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh bekalan diterima. Caj baik pulih serta lain-lain caj yang terlibat akan ditanggung oleh pihak petender.

7. PEMATUHAN SPESIFIKASI

Petender wajib mematuhi spesifikasi bendera seperti yang terkandung di dalam Lampiran A (**A2- Spesifikasi Bekalan**).

- 8.** Petender yang Berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut ke Majlis.

-TAMAT-